



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
INDEKS KOS BAHAN BINAAN
APRIL 2024

Indeks harga seunit pasir mencatatkan peningkatan antara 0.2 peratus hingga 2.6 peratus pada April 2024

PUTRAJAYA, 8 Mei 2024 – Pada hari ini Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **SIARAN KHAS UNTUK KERJA-KERJA PEMBINAAN BANGUNAN DAN STRUKTUR, APRIL 2024**. Penerbitan ini menyediakan indeks harga seunit bahan binaan utama dan Indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) mengikut kategori bangunan dan kawasan.

Dalam kenyataan hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan indeks harga seunit pasir merekodkan peningkatan antara 0.2 peratus hingga 2.6 peratus bagi kebanyakan kawasan pada April 2024 berbanding bulan lepas. Peningkatan tertinggi di kawasan Pulau Pinang, Kedah & Perlis (2.6%), diikuti dengan kawasan Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (1.2%) dan Terengganu & Kelantan (0.9%). Indeks harga seunit batu baur juga mencatatkan peningkatan kecil iaitu antara 0.1 peratus hingga 0.8 peratus bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Ketua Perangkawan Malaysia turut menyatakan bahawa perbandingan bulanan mencatatkan tiada perubahan dalam indeks harga seunit bagi besi bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Terdapat sedikit penurunan dalam indeks harga bahan ini bagi kawasan Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (-0.5%) dan Tawau (-0.4%). Sementara itu, terdapat peningkatan kecil dalam indeks harga bahan ini di kawasan Pulau Pinang, Kedah & Perlis dan Kota Kinabalu (masing-masing 0.5 peratus).

Perbandingan bulanan turut mencatatkan indeks seunit harga simen kekal tidak berubah bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak pada April 2024. Namun begitu, terdapat sedikit peningkatan dalam indeks harga bahan bagi kawasan Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (1.9%).

Perbandingan tahunan untuk tempoh April 2023 dan April 2024 menunjukkan indeks harga seunit simen mencatatkan peningkatan antara 1.9 peratus hingga 7.1 peratus bagi hampir semua kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Peningkatan tertinggi bagi indeks harga seunit simen telah dicatatkan bagi kawasan Pulau Pinang, Kedah & Perlis (7.1%), diikuti oleh Terengganu & Kelantan (5.7%), Selangor, W.P Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (4.4%) dan Tawau (2.2%).

Indeks harga seunit besi pula mencatatkan sedikit penurunan antara negatif 1.0 peratus hingga negatif 5.6 peratus bagi April 2024 berbanding bulan yang sama tahun lalu. Namun begitu, terdapat sedikit peningkatan bagi indeks bahan ini di Johor (0.7%).

Ketua Perangkawan Malaysia juga menyatakan bahawa purata harga simen (*Ordinary Portland*) kekal tidak berubah berbanding Mac 2024 dengan purata harga RM23.01 per 50 kg sekarung. Manakala purata harga seunit besi yang terdiri daripada bar bulat keluli lembut dan *Mycon 60 high tensile deformed bars* merekodkan peningkatan kecil (0.5%) dengan purata harga RM3,702.88 bagi setiap tan metrik berbanding bulan sebelumnya (Mac 2024: RM3,683.51 per tan metrik).

Bermula pada Januari 2024, Indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) mengikut kategori bangunan dan kawasan adalah diasaskan semula kepada Januari 2023 sama dengan 100 (Januari 2023=100). Perbandingan bulanan IKB (termasuk bar keluli) bagi semua kategori bangunan pada bulan April 2024 meningkat antara 0.1 peratus hingga 0.5 peratus bagi hampir semua kawasan di Semenanjung Malaysia. Namun begitu, terdapat sedikit penurunan antara negatif 0.1 peratus hingga negatif 0.4 peratus bagi IKB (termasuk bar keluli) bagi hampir semua kategori bangunan di Terengganu & Kelantan.

IKB (termasuk bar keluli) di Sabah juga menunjukkan peningkatan kecil iaitu antara 0.2 peratus dan 0.3 peratus bagi hampir semua kategori bangunan di Kota Kinabalu. Namun begitu, IKB (termasuk bar keluli) bagi hampir semua kategori bangunan di Tawau

menunjukkan penurunan kecil iaitu antara negatif 0.1 peratus dan negatif 0.2 peratus pada April 2024 berbanding bulan sebelumnya. Sementara itu, IKB (termasuk bar keluli) di Sarawak pada April 2024 menunjukkan indeks bagi hampir semua kategori bangunan kekal tidak berubah di Kuching, Sibu dan Miri.

Berdasarkan perspektif global, menurut laporan *Commodity Market Outlook* oleh *World Bank*, April 2024, permintaan kepada keluli dijangka kekal lemah pada 2024, memandangkan kelembapan berterusan dalam aktiviti pembinaan kediaman di China berikutan penurunan 20 peratus (tahun ke tahun) bagi pembinaan kediaman baharu sejak tahun 2023. Di samping itu, walaupun pengeluaran keluli dijangka pulih pada 2025, jangkaan peningkatan dalam pengeluaran bijih besi di Australia dan Brazil, bersama-sama dengan pelbagai projek baharu, berkemungkinan akan memberi tekanan kepada penurunan harga. Akibatnya, harga dijangka akan menurun sebanyak 9.0 peratus pada tahun 2024 dan 5.0 peratus lagi pada tahun 2025.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Rabu, 8 Mei 2024

Carta 1: Purata Harga Bar Keluli, Malaysia, Januari 2023 – April 2024



Carta 2: Purata Harga Simen, Malaysia, Januari 2023 – April 2024



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
8 MEI 2024**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Wednesday, May 8, 2024



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
BUILDING COST INDEX, MALAYSIA
APRIL 2024

The price index of sand recorded an increase between 0.2 per cent to 2.6 per cent in April 2024

PUTRAJAYA, May 8, 2024 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) published **SPECIAL RELEASE FOR BUILDING AND STRUCTURAL WORKS, APRIL 2024**, today. This release provides the unit price index of major building materials and the Building Cost Material Index (BCI) by building category and region.

In a statement today, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said that, the unit price index of sand recorded an increase between 0.2 per cent to 2.6 per cent for almost all areas in April 2024 as compared to the previous month. The highest increase were in Pulau Pinang, Kedah & Perlis (2.6%), followed by Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (1.2%) and Terengganu & Kelantan (0.9%). The unit price index of aggregates also recorded a slight increase between 0.1 per cent to 0.8 per cent for all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak.

The Chief Statistician of Malaysia also mentioned that the monthly comparison of steel showed that the unit price index remained unchanged for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. There was a slight decrease for these materials price index in Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (-0.5%) and Tawau (-0.4%). Meanwhile, there was a slight increase in price index of steel in Pulau Pinang, Kedah & Perlis dan Kota Kinabalu (0.5 per cent respectively).

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Wednesday, May 8, 2024

The monthly comparison of cement showed that the unit price index remained unchanged for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak in April 2024. However, there was a slight increase for these materials price index in Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (1.9%).

An annual comparison for the period of April 2023 and April 2024 showed that the unit price index of cement increased between 1.9 per cent to 7.1 per cent for all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The highest increase were in Pulau Pinang, Kedah & Perlis (7.1%), followed by Terengganu & Kelantan (5.7%), Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (4.4%) and Tawau (2.2%).

An annual comparison of the average price per unit of steel recorded a slight decrease between negative 1.0 per cent to negative 5.6 per cent as compared to the same month last year. However, there was a slight increase for these materials price index in Johor (0.7%).

The Chief Statistician of Malaysia also elaborated that the average price per unit of cement (Ordinary Portland) remained unchanged as compared to March 2024 with an average price of RM23.01 per 50 kg bag. Meanwhile, the average price per unit of steel, consisting of mild steel round bars and Mycon 60 high tensile deformed bars recorded a slight increase (0.5%) with an average price of RM3,702.88 per metric tonne as compared to the previous month (March 2024: RM3,683.51 per metric tonne).

Starting from January 2024, the Building Cost Material Index (BCI) by building category and region is rebased to January 2023 equals 100 (January 2023=100). The month on month of the BCI (with steel bars) for all building categories in April 2024 increased between 0.1 per cent to 0.5 per cent for almost all areas in Peninsular Malaysia. However, there was a slight decrease between negative 0.1 per cent to negative 0.4 per cent for BCI (with steel bars) for almost all building categories in Terengganu & Kelantan.

The BCI (with steel bars) in Sabah also showed a slight increase, which were between 0.2 per cent and 0.3 per cent for almost all building categories. Nevertheless, BCI (with steel bars) for almost all building categories in Tawau showed a slight decrease which was between negative 0.1 per cent and negative 0.2 per cent in April 2024 as compared to the previous month. Meanwhile, the index for almost all others building categories in Kuching, Sibu and Miri remained unchanged.


On a global perspective, according to Commodity Market Outlook report by World Bank, April 2024, steel demand is envisaged to remain subdued in 2024, given the continuing weakness in residential construction activity in China following a 20 per cent (year on year) decline in new home starting 2023. In addition, although steel output is expected to recover in 2025, the anticipated increase in iron ore production in Australia and Brazil, along with new projects elsewhere, is likely to put further downward pressure on prices. As a result, prices are forecast to decline by 9.0 per cent in 2024 (year on year), and a further 5.0 per cent in 2025.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."


The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

Chart 1: Average Price of Steel Bar, Malaysia, January 2023 – April 2024



Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Wednesday, May 8, 2024

Chart 2: Average Price of Cement, Malaysia, January 2023 – April 2024



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

8 MAY 2024